

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA
SOALAN JAWAB LISAN**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' NORAINI BINTI AHMAD [PARIT
SULONG]**

TARIKH : 27 OKTOBER 2015 (SELASA)

RUJUKAN : DR018

SOALAN:

Dato' Noraini Binti Ahmad [Parit Sulong] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan apakah langkah yang dilakukan oleh Kementerian untuk mengatasi masalah kelewatan di dalam memproses permohonan kelewatan di dalam memproses permohonan kebenaran pindah milik tanah di pejabat-pejabat tanah seluruh Semenanjung Malaysia, supaya ia tidak akan menjejaskan prestasi Malaysia di dalam kedudukan Indeks Kemudahan Menjalankan Perniagaan oleh Bank Dunia dan mengurangkan minat pelabur asing untuk melabur di Malaysia.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, isu berkaitan dengan kelewatan memproses permohonan kebenaran pindahmilik telah dibangkitkan dalam mesyuarat *Working Group Efficiency Issues* (WGEI) di bawah PEMUDAH. Di antara isu yang dibangkitkan adalah borang *consent* yang pelbagai mengikut negeri dan prosedur yang mengelirukan orang awam. Sehubungan itu, Kementerian melalui Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan (JKPTG) telah menjalankan kajian bagi penyeragaman borang *consent* dan *standard operating procedure* (SOP) mulai tahun 2014 dan seterusnya membangunkan sistem dinamakan sistem e-consent. Sistem ini bertujuan untuk menyeragamkan prosedur dan borang permohonan, memendekkan tempoh masa memproses permohonan, memberi pilihan kepada pelanggan untuk mengemukakan borang sama ada di atas talian atau di kaunter dan berorientasikan pelanggan.

Di antara penambahbaikan yang dibuat melalui sistem e-consent ini ialah mengurangkan maklumat yang perlu diisi oleh pemohon dalam borang permohonan seperti maklumat pemohon dan penerima. Manakala maklumat-maklumat terperinci mengenai hakmilik tanah akan ditarik/diperolehi secara automatik daripada pangkalan data Sistem Pendaftaran Tanah Berkomputer (SPTB) atau Sistem Pentadbiran Tanah Elektronik (e-Tanah). Melalui sistem e-consent ini borang permohonan telah ditambahbaik dengan hanya mempunyai 42 perkara untuk diisi berbanding 74 perkara pada borang lama. Selain itu dokumen sokongan yang perlu disertakan bersama borang permohonan turut berkurangan daripada 40 dokumen kepada 8 ke 19 dokumen sokongan sahaja. Borang

permohonan ini juga hanya memerlukan 1 tandatangan daripada pihak pemohon dan dikemukakan ke pejabat tanah secara atas talian (*online*) manakala dokumen sokongan dikemukakan di kaunter pejabat tanah. Masa memproses juga dijangka dapat dikurangkan kepada maksimum 42 hari bergantung kepada pihak yang meluluskan permohonan kebenaran ini.

Pihak Kementerian amat yakin dengan penyeragaman borang permohonan dan prosedur kebenaran pindahmilik ini akan menyumbang secara langsung ke arah peningkatan kedudukan Malaysia di dalam Laporan Tahunan *Ease of Doing Business* yang dikeluarkan oleh Bank Dunia bagi tahun-tahun akan datang.

Sekian, terima kasih.